

**Raja Muda Perlis Saran Kerjasama Bolehkan Tentera Darat Lanjut Pelajaran  
Bernama  
15 Oktober, 2012**

KANGAR, 15 Okt (Bernama) -- Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail menyarankan agar pihak berkenaan terutama institusi pengajian tinggi awam menjalin kerjasama bagi membolehkan anggota Tentera Darat berpangkat rendah melanjutkan pelajaran.

Titah baginda kerjasama berkenaan mampu membantu memperkukuh trilogi manusia, mesin dan kaedah yang merupakan fokus utama dalam proses transformasi dan pembangunan.

Baginda yang juga Komander Regimen 504 Askar Wataniah bertitah kerjasama di bawah strategi Lautan Biru Nasional (NBOS) itu dapat memantapkan pasukan Tentera Darat yang kini dilihat sebagai ejen perubahan.

"Sungguhpun beberapa inisiatif sudah dilaksanakan oleh Tentera Darat menerusi program pengajian tinggi seperti K-Force namun dengan adanya usaha secara NBOS ia akan membantu memperkukuh proses tranformasi dan pembangunan Tentera Darat menjadi lebih baik," titah baginda pada majlis santapan malam sempena istiadat pentauliahahan diraja Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), di Bukit Jambul, Pulau Pinang, malam tadi.

Turut berangkat ke majlis itu ialah Raja Puan Muda Perlis Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil. Hadir sama Naib Canselor UniMAP Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin, Panglima Markas Latihan Tentera Darat Mej Jen Datuk Mazlan Kasap, Panglima 6 Briged Brig Jen Datuk Zulkapri Rahamad dan Panglima Briged Sempadan Brig Jen Datuk Mohd Ramli Jaafar.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=701910>